

20 DEC 2001

Agong-Khor (Bergambar)

YANG DIPERTUAN AGONG ZIARAHI MENDIANG KHOR

KANGAR, 20 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini menziarahi jenazah mendiang Datuk Khor Liang Tee yang meninggal dunia di Kuala Lumpur malam tadi.

Baginda tiba dengan Raja Permaisuri Agong di kediaman mendiang di Taman Muhibbah, Jejawi dekat sini.

Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan itu meninggal dunia di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Kuala Lumpur pada pukul 11.47 malam tadi dan jenazahnya dibawa pulang ke kediamannya di sini, pagi tadi.

Baginda berdua turut mengucapkan takziah kepada balu mendiang, Datin Tan Chien Lieng serta empat anaknya.

Turut berangkat menziarahi mendiang ialah Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shireen Akashah.

Mendiang yang juga bekas Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perlis menghidap barah usus sejak lebih dua tahun lalu dan beliau berada di hospital swasta itu sejak September lalu.

Bagaimanapun keadaannya bertambah kritikal sejak sebulan lalu.

Turut menziarahi mendiang sebelum itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri, Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin serta beberapa orang kenamaan.

Mendiang akan dikebumikan di tanah perkuburan Cina Padang Sera, Kedah pada Isnin ini.

Sementara itu di CHANGLON, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan takziah kepada keluarga Khor.

Dr Mahathir menyampaikan takziah itu semasa ditemui pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Setiausaha Umno Bahagian Kubang Pasu, Shamsudin Ahmad - Naritashema, 23, dan Syed Rizan Syed Nordin, 24, di dewan orang ramai Felda Batu Lapan, di sini, hari ini.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata pilihan raya kecil akan diadakan di kawasan itu dan kerusi itu akan diperuntukan kepada MCA.

-- BERNAMA

MZM PR